

Analisis Morfologi dalam Pembentukan Kata Nama Terbitan Bahasa Kadazandusun Berdasarkan Teori Fonologi-Morfologi Leksikal

Ainah Gimir¹, Nur Faaizah Md Adam^{2*}, Minah Sintian³

Jabatan Bahasa Etnik, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak Malaysia

*Corresponding author email (institution email): nurfaaizah@fbk.upsi.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 16th November 2025

Revised: 15th January 2026

Accepted: 23rd February 2026

Published: 13rd April 2026

KEYWORDS

Imbuan Apitan

Kata Terbitan

Kata Nama

Kadazandusun

Teori Fonologi Morfologi

Leksikal

ABSTRAK - Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pola penggunaan imbuan apitan yang membentuk kata nama terbitan dan menganalisis proses pembentukannya dalam bahasa Kadazandusun. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis dokumen terhadap semua buku teks bahasa Kadazandusun bagi sekolah menengah dengan berlandaskan Teori Fonologi Morfologi Leksikal (F-ML). Dapatan menunjukkan bahawa imbuan apitan *ko-...-ai*, *ko-...-an*, *ko-...-on*, *na-...-an*, *n-...-an*, *o-...-an*, *pi-...-an*, *poN-...-an*, *t-...-an*, *to-...-an* dan *ta-...-an* membentuk kata nama terbitan. Proses pembentukannya berlaku secara berperingkat sama ada bermula dengan imbuan awalan atau akhiran sebelum imbuan lain ditambahkan. Dari aspek fonologi, bukan semua kata nama terbitan mengalami harmoni vokal kerana hanya sebahagian bentuk sahaja yang mengalami proses harmoni vokal, pengguguran, dan penggantian vokal /i/ kepada /y/. Secara keseluruhannya, hasil kajian membuktikan bahawa sistem morfologi bahasa Kadazandusun mempunyai hubungan morfofonemik antara struktur morfologi dan fonologi. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pemahaman tentang proses pembentukan imbuan apitan dan fenomena fonologi dapat membantu guru dan murid menguasai struktur imbuan apitan dalam bahasa Kadazandusun dengan lebih mendalam serta memperkukuh usaha pemeliharaan bahasa ini.

This study aims to identify the pattern of use of affixes that form derived nouns and analyze the process of their formation in the Kadazandusun language. This study uses a qualitative design through document analysis of all Kadazandusun language textbooks for secondary schools based on the Theory of Phonological Morphology Lexical (F-ML). The findings show that the affixes *ko-...-ai*, *ko-...-an*, *ko-...-on*, *na-...-an*, *n-...-an*, *o-...-an*, *pi-...-an*, *poN-...-an*, *t-...-an*, *to-...-an* and *ta-...-an* form derived nouns. The formation process occurs in stages, either starting with a prefix or suffix affixes before other affixes are added. From a phonological aspect, not all derived nouns experience vowel harmony because only some forms experience the process of vowel harmony, deletion, and replacement of the vowel /i/ to /y/. Overall, the results of the study prove that the morphological system of the Kadazandusun language has a morphophonemic relationship between morphological and phonological structures. The implications of this study show that understanding the process of affix formation and phonological phenomena can help teachers and students master the affix structure in the Kadazandusun language in greater depth and strengthen efforts to preserve this language.

PENGENALAN

Bahasa Kadazandusun merupakan bahasa aglutinatif dan bersifat derivatif. Proses morfologi dalam bahasa Kadazandusun mempunyai persamaan seperti bahasa Melayu kerana dua-dua bahasa ini berasal daripada rumpun yang sama iaitu bahasa Austronesia. Oleh itu, kedua-dua bahasa ini mempunyai ciri persamaan bukan sahaja dari konteks morfologi malah dari segi bunyi dan perbendaharaan ayat (Minah Sintian, 2019). Hal ini dapat dibuktikan bahawa kedua-dua bahasa ini menggunakan konsep yang sama dari segi penyisipan geluncuran /y/ yang disisipkan di antara vokal rangkap tinggi yang bermula dengan vokal /i/, dan /w/ disisipkan diantara vokal rangkap tinggi bermula dengan /u/ dan perkara yang juga berlaku dalam bahasa Kadazandusun disebut sebagai *kalandayan* yang bermaksud geluncuran (Zaharani Ahmad, 1993; KPM, 2008). Dalam bahasa Melayu, proses ini lazimnya direalisasikan melalui penyisipan geluncuran, misalnya perkataan /buah/ yang direalisasikan sebagai [buah]. Fenomena yang sama turut ditemui dalam bahasa Kadazandusun dan dikenali sebagai *kalandayan* yang juga bermaksud geluncuran, seperti dalam perkataan /tua/ yang direalisasikan sebagai [tuwa?]. Secara tidak langsung, persamaan dari segi fonologi ini menunjukkan terdapat persamaan tertentu dalam sistem pengimbuhan bahasa Kadazandusun dan bahasa Melayu.

Rozita Buyoh et al. (2018), menyatakan bahawa bahasa Kadazandusun ini kebanyakannya membentuk perkataan melalui proses pengimbuhan. Sama seperti bahasa Melayu, imbuhan dalam bahasa Kadazandusun boleh diletakkan di hadapan kata dasar (imbuhan awalan), di belakang kata dasar (imbuhan akhiran), di depan dan belakang kata dasar (imbuhan apitan) atau disisipkan ke dalam kata dasar (imbuhan sisipan). Setiap bentuk imbuhan tersebut mempunyai fungsi gramatikal yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, imbuhan-imbuhan ini berperanan penting dalam memperluas makna dan bentuk kata termasuk kata nama terbitan (Asmah Omar, 2025). Dalam bahasa Kadazandusun, imbuhan bukan sahaja berfungsi untuk menukarkan kelas kata tetapi juga mempelbagaikan variasi makna kata berdasarkan konteks penggunaannya. Dalam konteks morfologi bahasa Kadazandusun, imbuhan apitan merupakan salah satu unsur yang sangat produktif dalam pembentukan kata nama (KPM, 2008). Imbuhan apitan seperti *po-...-an*, *ko-...-an* dan beberapa imbuhan apitan yang lain sering digunakan untuk membentuk kata nama yang membawa makna hasil perbuatan, tempat, atau keadaan. Penggunaan imbuhan apitan ini membuktikan bahawa bentuk pengimbuhan tersebut merupakan salah satu komponen yang penting dalam sistem morfologi bahasa Kadazandusun. Walaubagaimanapun, aspek ini masih kurang diberikan perhatian dalam penyelidikan linguistik tempatan.

Kajian linguistik bahasa Kadazandusun terdahulu kebanyakannya lebih memberikan tumpuan terhadap aspek lain selain imbuhan apitan. Antaranya, Minah Sintian (2023) mengkaji perbandingan dialek dan variasi bahasa antara bahasa Tombonuo dan Mangkaak bagi menentukan hubungan kekerabatan linguistik. Kajian oleh Lourince Edwin et al. (2022) pula mengkaji pembinaan ayat tunggal bahasa Kadazandusun melalui teknik *NuOMano*, yang menekankan aspek sintaksis. Dalam konteks linguistik pendidikan, Norjietta Taisin et al. (2020) meneliti pengaplikasian perisian kosa kata Boros Maan terhadap pencapaian murid sekolah rendah, manakala Viannie Tongguritom et al. (2025) mengkaji impak penggunaan media e-lagu terhadap pengayaan kosa kata bahasa Kadazandusun murid sekolah rendah luar bandar. Selain itu, Mohd. Yazid et al. (2025) mengkaji implikasi gangguan bunyi Kadazandusun terhadap sebutan dan makna bacaan rukun qawliyy dalam ibadah solat dari sudut fonologi. Walaupun terdapat kajian morfologi seperti kajian Rozita Buyoh et al. (2017) yang menghuraikan proses dan fungsi pengimbuhan awalan kata kerja terbitan bahasa Kadazandusun berdasarkan fokus masa, aspek dan ragam namun kajian yang menghuraikan secara khusus proses pembentukan kata nama terbitan melalui imbuhan apitan masih terhad. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompangan tersebut dengan membataskan kajian terhadap proses pembentukan kata nama terbitan melalui pola imbuhan apitan kata nama sahaja. Sehubungan itu, fokus kajian ini adalah menghuraikan proses dan peranan imbuhan apitan dalam membentuk kata nama terbitan dalam bahasa Kadazandusun berlandaskan Teori Fonologi-Morfologi Leksikal (F-ML).

PERMASALAHAN KAJIAN

Penguasaan imbuhan dalam bahasa Kadazandusun merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata dalam bahasa ini. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2024) proses pengimbuhan boleh memperluaskan makna sesuatu kata dasar. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan mengenai imbuhan dalam bahasa Kadazandusun namun hanya bersifat selapis sahaja dan tidak dihuraikan secara mendalam. Kajian lepas banyak mengkaji pembentukan kata yang melibatkan penggandaan, pemajmukan dan sebagainya namun tidak berfokuskan kepada pembentukan kata melalui imbuhan. Namun, Rozita Buyoh et al. (2017) dalam kajiannya telah meneroka imbuhan yang membentuk kata kerja terbitan dengan mengolah proses pembentukan kata

kerja terbitan melalui imbuhan dan fungsi setiap pola imbuhan. Bertitik tolak daripada kajian Rozita Buyoh et al. (2018) terdapat keperluan untuk meneliti aspek pengimbuhan yang membentuk kata nama terbitan dalam bahasa Kadazandusun secara lebih terperinci khususnya imbuhan apitan. Kajian terhadap imbuhan yang membentuk kata nama terbitan, khususnya imbuhan apitan masih kurang diberi perhatian walaupun unsur ini memainkan peranan penting dalam memperluaskan makna dan fungsi kata. Tambahan pula, kajian yang meneliti secara sistematik terhadap bentuk, pola serta fungsi imbuhan apitan yang digunakan dalam bahan pendidikan seperti buku teks sekolah menengah kurang dikaji. Keadaan ini menyebabkan pendokumentasian terhadap sistem morfologi bahasa Kadazandusun masih terhad. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompangan tersebut dengan meneliti pola penggunaan dan proses pembentukan kata nama terbitan melalui imbuhan dalam buku teks bahasa Kadazandusun sekolah menengah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan menjelaskan proses pembentukan kata nama terbitan dalam buku teks bahasa Kadazandusun. Seterusnya, kajian ini secara khusus bertujuan memenuhi dua objektif seperti yang berikut:

- i. Mengetahui pasti pola penggunaan imbuhan apitan dalam pembentukan kata nama buku teks bahasa Kadazandusun sekolah menengah.
- ii. Menganalisis proses pembentukan kata nama terbitan dari aspek morfologi dan fonologi dalam buku teks bahasa Kadazandusun sekolah menengah.

SOROTAN KAJIAN

Bahasa Kadazandusun merupakan salah satu bahasa yang tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia dan mempunyai beberapa persamaan dengan bahasa-bahasa lain. Antara persamaan yang dikenal pasti dalam bahasa Melayu baku, dialek Melayu Perak, dialek Rungus, dialek Bunduliwan dan bahasa English adalah penyisipan geluncuran [y] di antara vokal rangkap tinggi yang bermula dengan vokal /i/, dan [w] antara vokal rangkap tinggi yang bermula dengan /u/ (Zaharani Ahmad, 1993; KPM, 2008; Mohamad Rozi Kasim, 2022; & Heitner, 2024). Walaupun terdapat persamaan dari segi proses morfologi dan fonologi tetapi masih terdapat perbezaan tertentu yang dikenal pasti iaitu melibatkan pengguguran vokal /i/ dan digantikan dengan semivokal /y/ dalam bahasa Kadazandusun (KPM, 2008). Fenomena ini berlaku apabila kata dasar yang berakhir dengan diftong tinggi seperti [ai], [oi] atau [ui] menerima imbuhan akhiran /-an/ atau /-on/. Hal ini dapat dibuktikan dalam Abdullah Hassan (2025) bahawa kata dasar 'pakai' dalam bahasa Melayu baku membentuk kata terbitan 'pakaian' dan kekal direalisasikan sebagai /pakaian/ walaupun menerima imbuhan akhiran /-an/. Hal ini telah memberikan perbezaan dalam bahasa Kadazandusun kerana kata dasar *walai* yang bermaksud rumah akan membentuk kata terbitan *walayan* (merujuk kepada tempat membuat rumah) apabila menerima akhiran /-an/ (KPM, 2008). Kedua-dua kata dasar ini berbeza dari segi makna tetapi kedua-duanya berkongsi struktur fonologi yang hampir sama, namun berbeza dari segi realisasi vokal /i/ yang direalisasikan sebagai geluncuran /y/ dalam bahasa Kadazandusun. Fenomena ini menunjukkan bahawa proses pengimbuhan dalam bahasa Kadazandusun melibatkan perubahan morf fonemik yang lebih kompleks berbanding bahasa-bahasa lain.

Menurut Veronica Atin (2008), bahasa Kadazandusun sangat kaya dengan struktur imbuhan yang kompleks namun struktur pengimbuhan dalam bahasa Kadazandusun dikatakan agak rumit. Selain itu, proses pengimbuhan dalam bahasa Kadazandusun turut melibatkan perubahan morf fonemik seperti harmoni vokal, pengguguran dan penggantian serta peneutralan vokal yang secara tidak langsung akan mempengaruhi bentuk akhir kata terbitan (Rozita Buyoh et al., 2017). Penggunaan imbuhan apitan dalam buku teks bahasa Kadazandusun menyumbang kepada pembentukan pelbagai kata nama terbitan. Namun begitu, bentuk-bentuk kata nama terbitan tersebut belum diklasifikasikan secara sistematik mengikut jenis dan fungsinya (KPM, 2008). Veronica Atin (2008) menegaskan bahawa imbuhan apitan dalam bahasa Kadazandusun bukan sahaja menambah bentuk kata malah dapat menentukan kategori gramatikal dan semantik sesuatu kata bergantung kepada konteks penggunaannya. Zaharani Ahmad et al. (2010) turut berpendapat bahawa penjelasan kategori imbuhan secara sistematik dapat membantu pelajar memahami hubungan antara bentuk, fungsi dan makna kata dalam proses morfologi. Saidatul Nornis Mahali (2021) dalam kajiannya terhadap bahasa Bajau Kota Belud pula menunjukkan bahawa variasi imbuhan apitan memberi kesan terhadap perubahan bentuk dan fungsi kata. Hal ini jelas menunjukkan bahawa imbuhan apitan berperanan penting dalam membentuk dan mempelbagaikan struktur kata dalam sesuatu bahasa.

Imbuan seperti *po-...-an*, *no-...-an* dan beberapa imbuan apitan yang lain berpotensi membentuk pelbagai jenis kata nama terbitan seperti kata yang merujuk kepada keadaan, hasil perbuatan, mahupun jumlah sesuatu hal (KPM,2008). Oleh hal yang demikian, keunikan sistem morfologi ini menuntut kefahaman mendalam terhadap penggunaan imbuan khususnya dalam konteks pendidikan bahasa Kadazandusun.

Seiring dengan kepentingan tersebut, pemahaman terhadap imbuan bukan sahaja berkaitan dengan aspek linguistik semata-mata tetapi turut memberi implikasi langsung terhadap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar. Menurut Vianie Tunggoritom et al. (2025), penguasaan kosa kata yang tinggi dapat membantu pelajar untuk membina ayat yang gramatis dalam penulisan dan dalam konteks komunikasi seharian. Namun, tahap penguasaan kosa kata tersebut turut dipengaruhi oleh tahap pengetahuan dan kefahaman terhadap imbuan (Paramasivam et al., 2024). Tambahan pula, Suleimanov et al. (2024), menyatakan bahawa penggunaan imbuan dalam bahasa yang dikategorikan sebagai bahasa aglutinatif berupaya memperluaskan makna dan kategori sesuatu kata. Hal ini dapat dibuktikan dengan kajian terdahulu berkaitan dengan pencapaian murid dalam penulisan karangan dipengaruhi oleh penguasaan imbuan yang lemah menyebabkan murid mendapat markah rendah dalam karangan berikutan tidak menguasai sistem pengimbuhan (Nur Faizal Aznan et al., 2023). Walaupun terdapat beberapa kajian yang membincangkan sistem pengimbuhan dalam bahasa Kadazandusun namun tumpuan terhadap analisis bentuk dan fungsi imbuan apitan yang membentuk kata nama dalam buku teks sekolah menengah masih kurang diberikan perhatian. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompangan tersebut dengan memberi tumpuan kepada peranan imbuan apitan dalam pembentukan kata nama terbitan bahasa Kadazandusun.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis terhadap kandungan buku teks bahasa Kadazandusun sekolah menengah yang merangkumi lima buah buku iaitu Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 1, Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 2, Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 3, Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 4 dan Buku Teks Bahasa Kadazandusun Tingkatan 5. Kelima-lima buah buku teks tersebut akan dianalisis dengan teliti bagi mencapai objektif kajian. Objektif kajian yang pertama adalah mengenal pasti pola imbuan apitan yang membentuk kata nama terbitan. Seterusnya, setiap pola imbuan apitan yang dikenal pasti akan dianalisis bagi meneliti peranannya dalam pembentukan kata nama terbitan dalam buku teks bahasa Kadazandusun. Pemilihan kelima-lima buah buku teks bahasa Kadazandusun bagi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 dilakukan kerana kesemua tingkatan ini mewakili keseluruhan peringkat pembelajaran bahasa Kadazandusun di sekolah menengah. Pemilihan ini membolehkan kajian berkaitan penggunaan imbuan apitan dapat diterokai secara menyeluruh merangkumi pelbagai tahap kecekapan bahasa pelajar. Pada peringkat menengah rendah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3), pelajar didedahkan kepada asas morfologi dan struktur bahasa Kadazandusun. Sementara itu, pada peringkat menengah atas (Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5), penggunaan imbuan semakin berkembang dengan memperlihatkan bentuk dan makna yang lebih kompleks (KPM,2015; KPM,2017; KPM,2021). Oleh itu, analisis terhadap buku teks ini bertujuan untuk mengenal pasti pola dan variasi imbuan apitan dalam pembentukan kata nama terbitan secara komprehensif. Pemilihan buku teks tersebut turut memastikan keseragaman sumber dan kesinambungan tahap bahasa, sekali gus menghasilkan dapatan yang berfokus secara menyeluruh dan mencerminkan perkembangan penggunaan imbuan apitan dalam keseluruhan siri buku teks bahasa Kadazandusun sekolah menengah.


KERANGKA TEORI

Kajian ini menggunakan teori F-ML iaitu teori Fonologi- Morfologi Leksikal yang diperkenalkan oleh Kiparsky (1982) bagi menjelaskan hubungan antara proses fonologi dan morfologi dalam pembentukan kata nama terbitan melalui imbuan apitan. Menurut Kiparsky (1982), proses pembentukan kata mempunyai hubungan yang saling berkaitan antara aturan morfologi dengan aturan fonologi. Salah satu prinsip yang diketengahkan dalam teori ini adalah setiap peringkat atau strata mempunyai aturan tersendiri yang menentukan jenis perubahan bentuk dan bunyi yang berlaku sepanjang proses pembentukan kata. Selain itu, dalam proses pembentukan kata, aturan morfologi melibatkan gabungan antara morfem terikat dan kata dasar yang berfungsi sebagai input kepada pembentukan bentuk baharu. Berdasarkan kerangka teori yang berstrata yang dikemukakan oleh Kiparsky, pembentukan kata bermula melalui penggabungan morfem terikat dan kata dasar yang menjadi input untuk diperluaskan. Input ini terlebih dahulu diproses oleh aturan morfologi sebelum dihantar kepada aturan fonologi untuk penyesuaian bentuk bunyi. Kedua-dua aturan ini beroperasi secara berperingkat dalam

siri tingkat yang dikenali sebagai strata dan setiap strata mempunyai kitaran pemprosesan tersendiri. Aturan fonologi pula berfungsi secara berulang pada setiap tingkat leksikal selepas aturan morfologi dilaksanakan. Sehubungan itu, teori ini menegaskan bahawa proses morfologi dan fonologi saling berhubungan dan beroperasi secara bersepadu dalam pembentukan kata terbitan.

Menurut prinsip morfologi berstrata yang dikemukakan oleh Kiparsky (1982), proses pembentukan kata nama terbitan melalui imbuan apitan tidak berlaku secara serentak, sebaliknya berlaku secara berperingkat melalui dua atau lebih lapisan pengimbuhan yang dikenali sebagai strata. Susunan pengimbuhan ini bergantung pada sifat pembentukan kata serta perubahan yang berlaku terhadap fonologi dan morfologi pada setiap strata, selaras dengan prinsip teori FML. Dalam konteks ini, diandaikan imbuan awalan akan diletakkan pada lapisan atau strata pertama kemudian imbuan akhiran akan diletakkan pada lapisan kedua. Namun begitu, imbuan akhiran boleh diletakkan pada lapisan pertama, iaitu Strata 1, sekiranya proses tersebut menghasilkan perubahan makna dan melibatkan perubahan fonologi yang ketara. Seterusnya, imbuan awalan boleh diaplikasikan pada Strata 2 sekiranya proses pengimbuhan pada peringkat seterusnya tidak melibatkan perubahan morfologi dan fonologi yang signifikan. Output daripada kitaran pertama menjadi input kepada kitaran kedua sebelum imbuan apitan yang lengkap dapat dihasilkan. Setiap kitaran dalam tingkat tersebut berpotensi mencetuskan berlakunya proses fonologi seperti tekanan penultimate, tekanan ultimat, tekanan sekunder, harmoni vokal, pengguguran dan penggantian vokal serta peneutralan vokal. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya berfokuskan kepada dua proses fonologi yang paling dominan dalam bahasa Kadazandusun iaitu proses harmoni vokal serta proses pengguguran dan penggantian vokal yang muncul semasa pembentukan kata berimbuhan apitan.

Secara ringkas, pembahagian komponen leksikon mengikut strata dapat digambarkan melalui Rajah 1 berikut:



Rajah 1. Model Morfologi dan Fonologi Leksikal Kiparsky (1982)

Model Morfologi dan Fonologi Leksikal Kiparsky (1982) menunjukkan bahawa fonologi leksikal terbahagi kepada dua komponen utama iaitu komponen leksikal dan komponen pasca leksikal. Komponen leksikal mengandungi rumus fonologi yang peka pada lingkungan terbitan. Rumus fonologi akan beroperasi sebaik sahaja setiap proses morfologi selesai dilaksanakan. Output daripada proses fonologi ini kemudiannya menjadi input kepada proses morfologi yang berikutnya.

Berdasarkan teori ini, pembentukan kata dalam bahasa Kadazandusun dapat dijelaskan melalui interaksi antara morfologi dan fonologi yang berlaku dalam sistem leksikal penutur. Sebagai contoh, imbuan apitan seperti *po-...-an* atau *no-...-an* bukan sahaja berfungsi menambah makna baharu pada kata dasar, tetapi turut mempengaruhi perubahan fonologi seperti harmoni vokal, peneutralan vokal dan beberapa proses fonologi yang lain (Rozita Buyoh et al., 2018). Oleh itu, teori ini digunakan dalam kajian ini bagi menghuraikan proses pengimbuhan apitan membentuk kata nama terbitan melalui hubungan antara komponen fonologi dan morfologi. Teori ini membolehkan analisis dilakukan secara menyeluruh terhadap bentuk dan fungsi imbuan apitan dalam buku teks Bahasa Kadazandusun sekolah menengah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan teori yang telah dikemukakan oleh Kiparsky (1982), proses pembentukan kata nama terbitan yang dihasilkan melalui imbuhan tidak berlaku secara serentak iaitu imbuhan awalan dan imbuhan apitan dua atau lebih lapisan atau peringkat pengimbuhan yang dikenali sebagai Strata. Proses pengimbuhan apitan melalui imbuhan awalan boleh berlaku di lapisan pertama atau Strata 1 dan juga boleh berlaku pada Strata 2 atau seterusnya. Setiap pengimbuhan yang pada setiap strata juga akan berlaku proses morfologi. Gabungan antara imbuhan dengan kata dasar akan melalui proses fonologi kemudian akan menghasilkan output. Dalam dapatan kajian ini, terdapat beberapa simbol yang digunakan untuk memudahkan pembentangan data seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1. Simbol dan maksud simbol

Simbol	Maksud Simbol
Input T1	kata dasar
Strata 1	proses pengimbuhan peringkat pertama
Output T1	kata terbitan hasil daripada pengimbuhan peringkat pertama
Input T2	kata terbitan hasil daripada peringkat pengimbuhan pertama
Strata 2	proses pengimbuhan peringkat kedua
Output T2	kata terbitan hasil daripada pengimbuhan peringkat kedua
MT	morfem terikat
KN	kata nama
KK	kata kerja
KA	kata adjektif

Sehubungan dengan itu, bahagian ini akan memaparkan sebahagian daripada data kata nama terbitan yang terbentuk melalui imbuhan apitan dalam bahasa Kadazandusun. Data dipaparkan dan dikelompokkan mengikut pola imbuhan seperti *ko-...-ai*, *ko-...-an*, *ko-...-on*, *na-...-an*, *n-...-an*, *o-...-an*, *pi-...-an*, *poN-...-an*, *t-...-an*, dan *ta-...-an*. Contoh-contoh kata nama terbitan yang terbentuk melalui pengimbuhan apitan dalam buku teks adalah seperti yang berikut:

1. Kata Nama Terbitan Melalui Imbuhan Apitan *ko-...-ai*

Jadual 2. Kata nama terbitan melalui imbuhan apitan *ko-...-ai*

Kata Dasar	Kata terbitan
<i>rosi</i> (takut)	<i>korosiai</i> (ketakutan)

Dari aspek pembentukan morfologi, proses ini berlaku melalui pengimbuhan apitan *ko-* di bahagian awal dan *-ai* di bahagian akhir kata dasar. Berdasarkan Teori Fonologi-Morfologi Leksikal (Kiparsky, 1982), pembentukan kata terbitan melalui imbuhan apitan berlaku secara berstrata, iaitu melalui peringkat pemprosesan yang berturutan dan lazimnya melibatkan dua kitaran morfologi sebelum menghasilkan bentuk akhir. Sehubungan dengan itu, pembentukan kata nama terbitan */korosiai/* berlaku melalui dua kitaran pengimbuhan yang tersusun, bermula dengan proses penggabungan imbuhan pada kitaran pertama sebelum output tersebut menjadi input untuk kitaran seterusnya. Proses tersebut dapat digambarkan seperti berikut:

Input T1	[rosi] _{MT}	Morfem terikat /rosi/
Strata 1	[ko[rosi] _{MT}] _{KK} /ko- + rosi/ /korosi/	penambahan awalan /ko-/
Output T1	[korosi] _{KK}	bermaksud menakutkan
Input T2	[korosi] _{KK}	
Strata 2	[korosi] _{KK ai}] _{KN}	penambahan akhiran pada suku kata

	<i>/-ai/</i>	
	<i>/korosi+ -ai/</i>	
	<i>/korosiai/</i>	
Output T2	[korosiai] _{KN}	bermaksud ketakutan

Representasi di atas memperlihatkan bahawa proses kitaran dimulai dengan penambahan imbuhan awalan */ko/* pada input T1 atau kata dasar */rosi/* pada Strata 1. Output T1 atau hasil terbitan daripada penambahan */ko/* terhadap input T1 mengubah golongan kata daripada kata dasar daripada morfem terikat kerana tidak mempunyai makna kepada perkataan */korosi/* yang tergolong dalam golongan kata kerja yang bermaksud menggerunkan atau menakutkan. Output T1 akan ditambah dengan imbuhan akhiran */ai/* menjadikannya sebagai kata */korosiai/* yang merujuk kepada ketakutan. Berdasarkan konteks golongan kata, perkataan */korosiai/* atau pun ketakutan tergolong sebagai kata nama am tak hidup bukan institusi abstrak tak berbilang. Perubahan ini menunjukkan fungsi derivatif imbuhan *ko...-ai* yang mengubah makna sifat atau perasaan kepada konsep keadaan yang dikategorikan sebagai kata nama. Dari aspek fonologi, pengimbuhan ini tidak menimbulkan perubahan bunyi pada kata dasar yang telah dipaparkan di atas. Struktur fonologi kekal stabil walaupun berlaku proses pengimbuhan apitan. Hal ini menunjukkan bahawa imbuhan apitan *ko...-ai* berfungsi secara morfologi sepenuhnya tanpa mempengaruhi bentuk fonologi kata dasar.

2. Kata Nama Terbitan Melalui Imbuhan Apitan *ko...-an*

Jadual 3. Kata nama terbitan imbuhan apitan *ko...-an*

Kata Dasar	Kata terbitan
<i>rokis</i> (MT)	<i>koporokisan</i> (kelincahan)

Berdasarkan Jadual 3, kata dasar */rokis/* merupakan morfem terikat dalam bahasa Kadazandusun telah mengalami perubahan apabila diberikan imbuhan *ko...-an* pada dasar dalam jadual tersebut. Kata nama terbitan */koporokisan/* dijana daripada kata dasar */rokis/* yang merupakan morfem terikat yang dikenali sebagai morfem yang tidak dapat berdiri sendiri. Menurut Minah Sintian (2014), bahasa Kadazandusun mempunyai banyak kata dasar yang dikategorikan morfem terikat dan tidak mempunyai maksud. Oleh itu, untuk menjadikan sesuatu kata dasar bagi kategori ini mempunyai maksud lazimnya berlaku penambahan imbuhan sama ada imbuhan awalan, imbuhan akhiran, apitan ataupun sisipan. Oleh itu, dalam konteks pembentukan kata nama terbitan */koporokisan/* akan berlaku tiga kitaran atau strata seperti yang berikut:

Input T1	[rokis] _{MT}	morfem terikat <i>/rokis/</i>
Strata 1	[po [rokis] _{MT}] _{KA}	pengimbuhan awalan <i>/po-/</i>
	<i>/po- + rokis/</i>	
	<i>/porokis/</i>	
Output T1	[porokis] _{KA}	bermaksud lincah
Input T2	[porokis]	
Strata 2	[ko [porokis] _{KK}] _{KA}	Pengimbuhan awalan <i>/ko-/</i>
	<i>/ko- + porokis/</i>	
	<i>/koporokis/</i>	
Output T2	[koporokis] _{KA}	
Input T3	[koporokis] _{KK}	
Strata 3	[koporokis] _{KK an} _{KN}	pengimbuhan akhiran <i>/-an/</i>
	<i>/koporokis + -an/</i>	
	<i>/koporokisan/</i>	
Output	[koporokisan] _{KN}	bermaksud kelincahan

Hasil daripada representasi di atas menunjukkan bahawa proses kitaran dimulai dengan penambahan imbuhan awalan */po/* pada kata dasar */rokis/* yang merupakan morfem terikat pada Strata 1. Output T1 daripada penambahan */po/* terhadap input menjadikan golongan kata */porokis/* menjadi kata adjektif yang merujuk sifat seseorang yang lincah. Hasil daripada output pada Strata 1 akan ditambahkan imbuhan awalan */ko/* pada */porokis/* menjadikannya */koporokis/* sebagai output T2 yang merujuk kepada perbuatan atau proses menjadikan sesuatu lebih tangkas atau lancar. Hasil daripada output pada Strata 2, proses kitaran seterusnya berlaku pada Strata 3 melalui penambahan imbuhan akhiran

/-an/ pada bentuk */koporokis/*. Proses ini menghasilkan bentuk akhir */koporokisan/* sebagai kata nama terbitan. Penambahan akhiran */-an/* dalam konteks ini berfungsi untuk mengubah menjadi abstrak makna tindakan atau keadaan yang terkandung dalam kata dasar. Dengan itu, */koporokisan/* membawa maksud keadaan atau proses yang melibatkan kelincuhan atau ketangkasan. Pembentukan kata nama terbitan */koporokisan/* tidak mengalami proses fonologi yang dibataskan seperti harmoni vokal, pengguguran dan penggantian yang biasanya berlaku untuk menyesuaikan struktur bunyi dengan imbuhan. Hal ini dikatakan demikian kerana, struktur suku kata dan pola vokal dalam kata dasar */rokis/* sudah selaras dengan sistem bunyi bahasa Kadazandusun. Justeru, proses morfologi dapat berlaku secara langsung tanpa memerlukan pelarasan fonologi. Dengan kata lain, imbuhan yang ditambahkan tidak mencetuskan perubahan pada bentuk fonetik kata dasar yang berupaya menjadikan pembentukan */koporokisan/* bersifat morfologi sepenuhnya dan tidak melalui penyesuaian fonologi.

3. Kata Nama Terbitan Melalui Imbuhan Apitan *ko...-on*

Jadual 4. Kata nama terbitan melalui imbuhan apitan *ko...-an*

Kata Dasar	Kata terbitan
<i>simban</i> (ubah)	<i>kosimbanon</i> (perubahan)

Berdasarkan Jadual 4, kata dasar *simban* yang tergolong dalam golongan kata kerja dalam bahasa Kadazandusun telah mengalami perubahan apabila diberikan imbuhan *ko...-on* pada kata dasar dalam jadual tersebut. Kata nama terbitan *kosimbanon* dijana daripada kata dasar *simban* yang bermaksud 'ubah'. Oleh itu, dalam konteks pembentukan kata nama terbitan *kosimbanon* akan berlaku dua kitaran pembentukan seperti yang berikut:

Input T1	[simban] _{KK}	Bermaksud <i>ubah</i>
Strata 1	[ko [simban] _{KK} /ko- + simban/ /kosimban/	pengimbuhan awalan /ko/
Output T1	[kosimban] _{KK}	bermaksud 'berubah'
Input T2	[kosimban] _{KK}	
Strata 2	[kosimban] _{KK on} _{KN} /kosimban + -on/ /kosimbanon/ [kosimbanon]	pengimbuhan akhiran /-on/
Output T2	[kosimbanon] _{KN}	Bermaksud <i>perubahan</i>

Pada Strata 1, imbuhan awalan /ko-/ ditambah pada kata dasar kerja *simban* yang membawa makna berubah. Penambahan imbuhan ini menghasilkan bentuk *kosimban* yang masih mengekalkan kategori kata kerja (KK). Dari perspektif morfologi derivatif, imbuhan /ko-/ dalam konteks ini berfungsi untuk menandakan aspek tindakan atau proses yang sedang berlaku tanpa menukar kategori leksikal kata dasar. Seterusnya, Strata 2 menunjukkan output *kosimban* menjalani kitaran morfologi kedua melalui penambahan akhiran /-on/. Proses ini menghasilkan bentuk *kosimbanon* yang mengalami peralihan kategori daripada kata kerja (KK) kepada kata nama (KN). Imbuhan /-on/ dalam pembentukan ini berperanan sebagai penanda *nominalizer* yang mengabstrakkan makna tindakan kepada entiti konseptual yang merujuk hasil atau keadaan daripada perbuatan tersebut. Secara ringkasnya, bentuk akhir *kosimbanon* memperlihatkan proses pembentukan kata nama yang lengkap melalui dua kitaran morfologi. Proses ini selaras dengan prinsip *cyclic morphology* seperti yang dikemukakan oleh Kiparsky (1982), iaitu setiap imbuhan beroperasi dalam lapisan morfologi tersendiri untuk menghasilkan bentuk kata akhir yang berbeza dari segi fungsi dan kategori leksikal. Proses fonologi yang dibataskan tidak berlaku dalam perkataan ini kerana kata nama terbitan boleh terbentuk secara langsung tanpa berlaku harmoni vokal ataupun pengguguran serta penggantian.

4. Kata Nama Terbitan Melalui Imbuan Apitan *n...-an*

Jadual 5. Kata nama terbitan melalui imbuan apitan *na...-an*

Kata Dasar	Kata terbitan
<i>ngoi</i> (morfem terikat)	<i>nangayan</i> (tempat sesuatu benda diperoleh)

Jadual 5 menunjukkan gabungan imbuan apitan dengan kata dasar */ngoi/* akan membentuk kata nama terbitan iaitu *nangayan*. */ngoi/* dikategorikan sebagai morfem terikat kerana tidak mempunyai maksud dalam bahasa Kadazandusun dan perlu diberikan imbuan untuk menjadikan perkataan ini bermakna. Sehubungan dengan itu, apabila morfem ini diberikan imbuan *na...-an* maka akan menghasilkan perkataan yang merujuk kepada tempat mengambil sesuatu benda. Hal ini dapat dibuktikan dengan ayat dalam Buku Teks bahasa Kadazandusun Tingkatan 4 '*soira poinmaha-maha nangayan diolo, au nodii yolo momuraha mato kokito ningkokoton do wokon*' yang bermaksud mereka tidak cemburu melihat kemajuan orang lain kerana mereka pun mempunyai sumber yang lebih baik. Proses penerbitan ini berlaku pada strata pertama pengimbuhan seperti yang berikut:

Input T1	[ngoi] _{MT}	
Strata 1	[no[ngoi] _{MT}] _{KK} /no- + ongoi/ /nongoi/	pengimbuhan awalan /no-/ merujuk kepada perbuatan mengambil yang baru sahaja berlaku
Output T1	[nongoi] _{KK}	
Input T2	[nongoi] _{KK} [nongoi] _{KK} an] _{KN} [nongoi+ -an] /nongoian/ /nongoyan/ /nangayan/	pengimbuhan akhiran /-an/ proses harmoni huruf vokal /o/ menjadi /a/ proses pengguguran huruf /i/ dan digantikan dengan huruf /y/
Output T2	[nangayan] _{KN}	

Proses pembentukan kata */nangayan/* menunjukkan berlaku dua peringkat utama dalam kitaran morfologi dan fonologi menurut teori MFL (Kiparsky, 1982). Kata ini terhasil daripada pengimbuhan apitan */no...-an/* pada morfem terikat */ngoi/*. Pada Strata 1, perkataan */nongoi/* yang merujuk kepada perbuatan yang baru sahaja mengambil sesuatu barang. Pengimbuhan awalan */na-/* menjadi */no-/* digunakan dalam Strata 1 kerana bahasa Kadazandusun tidak menggunakan perkataan */nangoi/* sebaliknya menggunakan */nongoi/* yang merujuk kepada perbuatan mengambil sesuatu benda yang sudah berlalu. Walaupun demikian, Minah Sintian (2014) dan Rozita Buyoh et al. (2017) menyatakan bahawa imbuan awalan */na-/* dan */no-/* merujuk kepada fungsi yang sama iaitu penanda masa bagi perbuatan yang sudah berlaku. Peringkat pengimbuhan pertama ini telah menjadikan perkataan ini bermakna dan boleh berdiri sendiri. Berdasarkan Strata 2, terdapat perubahan golongan kata dasar iaitu daripada kata kerja *nongoi* kepada kata nama terbitan *nangayan* yang merujuk kepada tempat sesuatu benda itu diperoleh. Proses pengimbuhan ini telah menyebabkan berlaku dua proses fonologi iaitu proses harmoni vokal berlaku yang melibatkan perubahan huruf vokal /o/ menjadi /a/. Hal ini dikatakan demikian kerana, huruf vokal /o/ pada kata dasar akan berubah menjadi vokal /a/ apabila diberikan imbuan akhiran /-an/ pada kata dasar (Minah Sintian, 2014). Selain itu, proses pengguguran dan penggantian huruf /i/ pada kata dasar berubah menjadi huruf /y/ kerana dipengaruhi oleh bunyi diftong /oi/ pada kata dasar *ngoi*. Hal ini berlaku apabila kata dasar yang mempunyai diftong /ai/, /oi/, /ui/ dan digabungkan dengan imbuan akhiran -an, -o atau -on menyebabkan huruf /i/ akan digugurkan dan digantikan dengan huruf /y/.

5. Kata Nama Terbitan Melalui Imbuan Apitan *o...-an*

Jadual 6. Kata nama terbitan melalui imbuan apitan *o...-an*

Kata Dasar	Kata Terbitan
<i>ruol</i> (sakit)	<i>orualan</i> (kesakitan)

Jadual 6 menunjukkan bahawa kata dasar *ruol* yang tergolong dalam golongan kata adjektif mengalami perubahan kelas kata apabila diberikan imbuhan apitan *o...-an*. Proses ini menghasilkan kata nama terbitan *oruolan* yang membawa makna konsep keadaan atau sifat iaitu kesakitan. Perubahan ini menandakan bahawa imbuhan apitan *o...-an* berperanan untuk memindahkan makna daripada sifat atau keadaan yang tersurat dalam kata dasar kepada bentuk kata nama yang lebih abstrak dan konseptual. Proses pembentukan mengikut strata adalah seperti yang berikut:

Input T1	[ruol] _{KA}	bermaksud sakit
Strata 1	[o[ruol] _{KA}] _{KA} /o- + ruol/ /oruol/	pengimbuhan awalan /o-/ merujuk kepada keadaan yang sakit
Output T1	[oruol] _{KA}	
Input T1	[oruol] _{KA}	
Strata 2	[oruol] _{KA an} _{KN} /oruol+ -an/ /oruolan/ /orualan/	pengimbuhan akhiran /-an/ proses harmoni vokal huruf vokal /o/ pada kata dasar berubah menjadi huruf /a/
Output T2	[orualan] _{KN}	

Berdasarkan representasi proses morfologi di atas, kata dasar */ruol/* pada Strata 1 yang tergolong dalam golongan kata adjektif menerima imbuhan awalan */o-*, menghasilkan bentuk */oruol/* tanpa mengubah kategori leksikal asalnya iaitu masih tergolong sebagai kata adjektif yang membawa maksud suatu perasaan sakit. Pada Strata 2, bentuk */oruol/* mempunyai penambahan imbuhan akhiran */-an/* dan menghasilkan bentuk */oruolan/*. Namun begitu, kata terbitan */oruolan/* tidak wujud secara semula jadi dan tidak menepati pola fonotaktik bahasa Kadazandusun. Oleh itu, berlaku proses harmoni vokal bagi menyesuaikan sebutan kata dengan sistem fonologi bahasa Kadazandusun. Proses ini menyebabkan vokal */o/* pada suku kata kedua menyesuaikan diri dengan vokal */a/* yang lebih dominan dalam konteks sebutan lalu menghasilkan kata nama terbitan */orualan/* yang lebih seimbang dan mudah dilafaz oleh penutur jati. Dengan itu, hasil akhirnya ialah bentuk */orualan/* yang mengalami peralihan kategori daripada kata adjektif kepada kata nama, dengan makna yang mengabstrakkan sifat kepada konsep keadaan selaras dengan prinsip *Cyclic Morphology* yang dikemukakan oleh Kiparsky (1982).

6. Kata Nama Terbitan Melalui Imbuhan Apitan *pi...-an*

Jadual 7. Kata nama terbitan melalui imbuhan apitan *pi...-an*

Kata Dasar	Kata Terbitan
<i>suai</i> (lain)	<i>pisuayan</i> (perbezaan)

Jadual 7 menunjukkan bahawa kata dasar daripada golongan kata adjektif iaitu *suai* akan menjadi kata nama terbitan apabila diberikan imbuhan *pi...-an*. Berikut merupakan proses pembentukan kata nama terbitan bagi perkataan *pisuayan*:

Input T1	[suai] _{KA}	bermaksud lain
Strata 1	[pi[suai] _{KA}] _{KK} /pi- +suai/ /pisuai/	pengimbuhan awalan /pi-/ bermaksud perbuatan yang membezakan sesuatu
Output T1	[pisuai] _{KK}	
Input T2	[pisuai] _{KK} [pisuai] _{KK an} _{KN} /pisuai + -an/ /pisiaian/ /pisuayan/	pengimbuhan akhiran /-an/ pengguguran dan penggantian huruf /i/ pada kata dasar menjadi huruf /y/
Output T2	[pisuayan] _{KN}	

Strata 1 menunjukkan kata dasar /suai/ yang tergolong dalam golongan kata adjektif menerima imbuhan awalan /pi-/ , menghasilkan output /pisuai/ yang merujuk kepada perbuatan membezakan sesuatu benda atau orang. Dari segi morfologi, imbuhan /pi-/ berfungsi menandakan aspek tindakan atau proses yang berkaitan dengan sifat asal. Strata 2 merupakan rentetan pembentukan daripada output T1 iaitu kata terbitan /pisuai/ yang akan menjalani kitaran morfologi kedua melalui penambahan imbuhan akhiran /-an/. Hasil daripada kitaran pembentukan tersebut telah terbentuk kata nama terbitan /pisuaian/. Pada tahap ini, berlaku proses fonologi pengguguran vokal /i/ yang digantikan oleh konsonan semivokal /y/ bagi mengekalkan kelancaran artikulasi antara dua vokal yang bersebelahan. Hal ini dikatakan demikian kerana, bentuk /pisuaian/ tidak wujud dalam sistem fonologi bahasa Kadazandusun kerana tidak menepati pola sebutan semula jadi penutur jati. Oleh itu, berlaku proses pengguguran vokal /i/ pada suku kata akhir dan digantikan dengan konsonan semivokal /y/ bagi menyesuaikan struktur bunyi dengan corak fonotaktik bahasa ini. Proses ini menghasilkan bentuk /pisuayan/ yang lebih harmoni dan mudah diucapkan, sekali gus menunjukkan penyesuaian fonologi yang lazim dalam pembentukan kata terbitan bahasa Kadazandusun. Hasil daripada dua proses kitaran telah output T2 /pisuayan/ yang menunjukkan peralihan kategori daripada kata kerja kepada kata nama terbitan.

7. Kata Nama Terbitan Melalui Imbuhan Apitan poN-...-an

Jadual 8. Kata nama terbitan melalui imbuhan apitan poN-...-an

Kata Dasar	Kata Terbitan
<i>usap</i> (rawat)	<i>pongusapan</i> (rawatan)

Jadual 8 menunjukkan bahawa kata dasar daripada golongan kata kerja iaitu *usap* akan menjadi kata nama terbitan *pongusapan* apabila diberikan imbuhan poN-...-an. Imbuhan poN-...-an mempunyai beberapa varian imbuhan seperti po-...-an, pon-...-an, pom-...-an, pomu-...-an dan pong-...-an. Varian imbuhan apitan yang digunakan dalam perkataan *pongusapan* adalah *pong-...-an*. Berikut merupakan proses pembentukan kata nama terbitan bagi perkataan *pisuayan*:

Input T1	[usap] _{KK}	bermaksud rawat
Strata 1	[pong[usap] _{KK} [pong[usap] _{KK}] _{KN} /pong- +usap/ /pongusap/	pengimbuhan awalan /pong-/ asimilasi nasal [pon]
Output T1	[pongusap] _{KN}	bermaksud perawat
Input T2	[pongusap] _{KN}	
Strata 2	[pongusap] _{KN} an] _{KN} /pongusap + -an/ /pongusapan/ [pongusapan] _{KN}	pengimbuhan awalan /-an/
Output	[pongusapan] _{KN}	bermaksud rawatan

Berdasarkan proses pembentukan kata nama tersebut, kata dasar /usap/ yang tergolong dalam golongan kata kerja menerima imbuhan awalan /pong-/ telah menghasilkan kata nama terbitan /pongusap/ yang bermaksud perawat. Dalam konteks morfologi, imbuhan /pong-/ boleh berfungsi sebagai penanda kata nama yang menukar kategori kata kerja kepada kata nama dengan membawa makna alat, hasil atau merujuk kepada perbuatan yang berkaitan dengan perbuatan dasar. Proses ini tidak menimbulkan perubahan fonologi yang dibataskan kerana struktur suku kata kekal stabil. Pada Strata 2, bentuk /pongusap/ menjalani satu lagi kitaran morfologi melalui penambahan imbuhan akhiran /-an/, menghasilkan bentuk akhir /pongusapan/. Imbuhan /-an/ dalam konteks ini berfungsi untuk mengubah makna perbuatan kepada konsep keadaan atau hasil tindakan.

8. Kata Nama Terbitan Melalui Imbuhan Apitan *t...-an*

Jadual 9. Kata nama terbitan melalui imbuhan apitan *t...-an*

Kata Dasar	Kata Terbitan
<i>odop</i> (tidur)	<i>todopon</i> (tempat tidur)

Berdasarkan Jadual 9, kata dasar iaitu *odop* tergolong dalam golongan kata kerja yang merujuk kepada perbuatan tidur. Namun begitu, apabila menerima imbuhan *t...-an* maka kedua-dua kata dasar tersebut akan menjadi kata nama terbitan iaitu *todopon* yang merujuk kepada tempat tidur. Pembentukan kata nama terbitan ini adalah seperti yang berikut:

Input T1 Strata 1	[odop] _{KK} [t[odop] _{KK}] _{KK} /t- +odop/ /todop/ [todop]	merujuk kepada perbuatan tidur pengimbuhan awalan /t-/
Output T2	[todop] _{KK}	merujuk kepada hasil perbuatan tidur
Input T2 Strata 1	[todop] _{KK} [todop] _{KK} on] _{KN} /todop + -on/ /todopon/	pengimbuhan awalan /-on/
Output T2	[todopon] _{KN}	merujuk kepada tempat tidur

Berdasarkan proses pembentukan kata nama tersebut, kata dasar /*odop*/ yang tergolong dalam golongan kata kerja menerima imbuhan awalan /t-/ menghasilkan kata nama terbitan /*todop*/ yang merujuk perbuatan tidur tetapi dalam konteks baru berlaku. Dari sudut morfologi, imbuhan /t-/ berfungsi menandakan aspek keadaan atau hasil daripada sesuatu tindakan. Pada Strata 2, kata terbitan /*todop*/ menerima imbuhan akhiran /-on/ telah menghasilkan kata nama terbitan /*todopon*/ yang merujuk tempat tidur. Proses pembentukan pada Strata 1 ini tidak menunjukkan perubahan fonologi yang ketara kerana imbuhan /t-/ dapat bergabung secara langsung dengan vokal awal kata dasar tanpa menjejaskan struktur suku kata. Hal yang sama berlaku dalam kitaran kedua pada Strata 2 kerana input T2 boleh bergabung secara langsung dengan imbuhan /-on/ yang menghasilkan sebutan yang dapat bergabung secara langsung dengan imbuhan /-on/ tanpa menimbulkan perubahan fonologi yang kompleks. Proses ini menghasilkan sebutan yang lancar dan semula jadi mengikut pola fonotaktik bahasa Kadazandusun. Keupayaan morfem dasar untuk menerima imbuhan tanpa pelarasan bunyi menunjukkan keserasian antara unsur morfologi dan fonologi sekali gus menunjukkan bahawa pembentukan kata terbitan ini berlaku secara regular dan sistematik dalam kerangka struktur bahasa ini. Secara keseluruhannya, proses pembentukan /*todopon*/ menunjukkan prinsip kitaran yang dikemukakan oleh Kiparsky (1982).

9. Kata Nama Terbitan Melalui Imbuhan Apitan *to...-an*

Jadual 10. Kata nama terbitan melalui imbuhan apitan *to...-an*

Kata Dasar	Kata Terbitan
ubat (ubat)	toubatan (penyakit yang boleh diubati)

Jadual 10 menunjukkan bahawa imbuhan apitan *to...-an* dapat membentuk kata nama terbitan daripada kata dasar yang terdiri daripada kata adverbial dan kata nama. Pengimbuhan apitan pola ini menghasilkan kata nama terbitan *toubatan* yang berasal daripada kata dasar *ubat*. Proses pengimbuhan menghasilkan kata terbitan yang membawa makna 'penyakit yang boleh diubati oleh sesuatu ubat'. Proses pembentukan kata nama terbitan bagi perkataan *toubatan* dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Input T1	[ubat] _{KN}	bermaksud ubat
Strata 1	[ubat] _{KN an} _{KK} /ubat + an/ /ubatan/	pengimbuhan akhiran /-an/
Output T1	[ubatan] _{KK}	merujuk kepada perbuatan mengubati sesuatu penyakit
Strata 2	[to [ubatan] _{KK}] _{KN} /toubat + -an/ /toubatan/	pengimbuhan awalan /to- /
Output	[toubatan] _{KN}	merujuk kepada penyakit yang boleh diubati oleh sesuatu ubat

Berdasarkan analisis morfologi di atas, kata dasar *ubat* yang tergolong dalam golongan kata nama telah melalui proses pengimbuhan apitan *to-...-an* pada Strata 1 dan Strata 2. Pengimbuhan akhiran pada kata dasar *ubat* berlaku pada peringkat starta 1 yang seterusnya membentuk kata kerja terbitan *ubatan*. Kata kerja terbitan *ubatan* merujuk kepada mengubati sesuatu penyakit. Strata 2 menunjukkan peringkat pengimbuhan /-an/ pada output T1 menjadi */toubatan/* yang merujuk kepada penyakit yang boleh diubati oleh sesuatu ubat iaitu konsep yang lebih abstrak dan menyeluruh berbanding kata dasar ubat yang merujuk kepada bahan atau alat yang digunakan untuk mengubati penyakit. Hal ini menunjukkan bahawa imbuhan *to-...-an* berfungsi untuk mengabstrakkan makna kata dasar kepada bentuk yang melambangkan keadaan atau konsep umum. Urutan pengimbuhan strata dimulakan dengan imbuhan akhiran terlebih dahulu kerana berlaku perubahan makna selaras dengan prinsip Kiparsky (1983). Dari segi fonologi, penambahan imbuhan apitan *to-...-an* tidak mempengaruhi sebarang perubahan bunyi atau fonem pada kata dasar ubat. Ini menandakan bahawa imbuhan *to-...-an* beroperasi secara stabil dan teratur.

10. Kata Nama Terbitan Melalui Imbuhan Apitan *ta-...-on*

Jadual 11. Kata nama terbitan melalui imbuhan apitan *ta-...-on*

Kata Dasar	Kata Terbitan
<i>akan</i> (makan)	<i>taakanon</i> (makanan)

Jadual 11 menunjukkan bahawa imbuhan apitan *ta-...-on* digunakan untuk membentuk kata nama terbitan daripada kata dasar golongan kata kerja. Contoh kata dasar yang pertama adalah *akan* yang bermaksud 'makan' akan membentuk kata terbitan *taakanon* yang bermaksud 'makanan' apabila diberikan imbuhan *ta-...-on*. Perubahan ini memperlihatkan peralihan fungsi kata daripada kata kerja kepada kata nama yang merujuk kepada kata nama am konkrit. Dalam konteks ini, imbuhan apitan *ta-...-an* berperanan untuk menghasilkan makna tempat yang berkaitan dengan tindakan asal kata dasar. Proses pembentukan tersebut dapat dilihat seperti yang berikut:

Input T1	[akan] _{KK}	merujuk kepada perbuatan makan
Strata 1	[ta[akan] _{KK}] _{KA} /ta- + akan/ /taakan/	pengimbuhan awalan /ta-/ merujuk kepada boleh dimakan atau rasa sesuatu makanan
Output T1	[taakan] _{KA}	
Input T2	[taakan] _{KA}	
Strata 2	[taakan] _{KA on}] _{KN} /taakan + -on/ /taakanon/	pengimbuhan akhiran /-on/
Output	[taakanon] _{KN}	merujuk kepada makanan

Berdasarkan analisis morfologi di atas, kata dasar */akan/* yang tergolong dalam golongan kata kerja yang menerima imbuhan awalan */ta- /* akan menghasilkan bentuk */taakan/* yang merujuk kepada boleh dimakan atau rasa sesuatu makanan. Walau bagaimanapun, pada peringkat ini kategori kata berubah daripada kata kerja kepada kata adjektif yang menggambarkan keadaan atau sifat. Pada Strata 2, bentuk */taakan/* menjalani kitaran morfologi kedua melalui penambahan imbuhan akhiran */-on/* yang menghasilkan kata nama terbitan */taakanon/*. Imbuhan */-on/* berfungsi untuk mengubah makna sifat kepada konsep keadaan atau hasil perbuatan. Dalam proses pembentukan kata nama terbitan

/taakanon/ tiada proses fonologi yang dibataskan berlaku. Hal ini dikatakan demikian kerana semua imbuhan apitan */taakanon/* boleh digabungkan tanpa penyelarasan bunyi. Struktur suku kata dan pola vokal dalam kata dasar */akan/* sudah selaras dengan sistem fonologi bahasa Kadazandusun. Justeru, penggabungan imbuhan berlaku secara langsung dan teratur. Hal ini menunjukkan bahawa pembentukan taakanon merupakan proses morfologi yang bersifat produktif dan stabil tanpa sebarang penyesuaian fonetik tambahan bagi mengekalkan keseimbangan fonotaktik bahasa tersebut. Secara keseluruhan, pembentukan */taakanon/* mencerminkan prinsip *Cyclic Morphology* (Kiparsky, 1982), iaitu setiap imbuhan beroperasi dalam lapisan morfologi tersendiri untuk menghasilkan bentuk akhir yang stabil dari segi fungsi dan kategori leksikal.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, proses pembentukan kata nama terbitan dalam bahasa Kadazandusun menunjukkan hubungan simbiotik yang signifikan antara sistem morfologi dan fonologi. Dari segi morfologi, imbuhan apitan seperti *ko-...-on*, *poN-...-an*, *ta-...-on*, dan *o-...-an* berperanan menukarkan kategori kata dasar kepada kata nama terbitan yang membawa makna baharu seperti hasil, keadaan atau konsep tindakan. Dalam masa yang sama, aspek fonologi memainkan peranan penting melalui proses harmoni vokal, pengguguran vokal, dan penyisipan semivokal /y/ bagi mengekalkan keseimbangan fonotaktik serta penyesuaian sebutan. Gabungan kedua-dua sistem ini membuktikan bahawa pembentukan kata nama terbitan tidak berlaku secara rawak sebaliknya dikawal oleh aturan linguistik yang tersusun dan berlapis. Proses ini berupaya menyokong prinsip kitaran morfologi dan fonologi oleh Kiparsky (1982) yang menegaskan bahawa setiap imbuhan beroperasi dalam kitaran morfologi dan fonologi tersendiri sebelum menghasilkan bentuk akhir yang stabil dari segi struktur dan makna. Sesungguhnya, kajian ini berupaya membantu meningkatkan pemahaman terhadap pola dan proses pembentukan imbuhan apitan termasuk fenomena fonologi seperti harmoni vokal dalam kalangan guru dan murid untuk menguasai struktur imbuhan apitan dalam bahasa Kadazandusun dengan lebih mendalam serta memperkukuh usaha pemeliharaan bahasa tersebut.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris atas sokongan dan kemudahan yang disediakan sepanjang kajian ini dijalankan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kedua-dua penyelia yang telah memberikan masa dan pandangan mereka semasa proses pengumpulan data.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

AUTHORS CONTRIBUTION

Semua penulis telah memberikan sumbangan saintifik yang signifikan terhadap pelaksanaan kajian dan penyediaan manuskrip ini. Setiap penulis telah menyemak serta meluluskan versi akhir manuskrip dan bersetuju untuk bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan yang diterbitkan. Sumbangan penulis adalah berdasarkan Taksonomi CRediT seperti berikut:

Ainah Gimir: Perancangan idea kajian, pembinaan metodologi, pelaksanaan kajian dan penulisan draf asal manuskrip.

Nur Faaizah Md Adam: Pengurusan dan analisis data, semakan dan penyuntingan manuskrip.

Minah Sintian.: Penyeliaan keseluruhan kajian, pengesahan dapatan kajian, dan semakan serta penyuntingan manuskrip.

AVAILABILITY OF DATA AND MATERIALS

Data is openly available in a public repository, with a permanent identifier (such as a DOI).

DECLARATION OF GENERATIVE AI

Semasa penyediaan manuskrip ini, penulis telah menggunakan Consensus AI untuk meningkatkan kejelasan penulisan. Selepas menggunakan Consensus AI, penulis telah menyemak dan menyunting kandungan mengikut keperluan dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan penerbitan ini.

ETHIC STATEMENTS

'Not applicable'

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2025). Morfologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2025). Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Heitner, R.M. (2024). Double u: When two /u/ make one /w/ and the phonetics of consonantalization. In: Icons of the Alphabet. *Palgrave Macmillan, Cham*. https://doi.org/10.1007-39307-5_3
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). Puralan boros Kadazandusun id sikul. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Bahasa Kadazandusun dokumen standard bahasa Kadazandusun Tingkatan 1. Putrajaya: Bahagian Pembinaan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Bahasa Kadazandusun dokumen standard bahasa Kadazandusun Tingkatan 2. Putrajaya: Bahagian Pembinaan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Bahasa Kadazandusun dokumen standard Kadazandusun Tingkatan 3. Putrajaya: Bahagian Pembinaan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Dokumen penjajaran kurikulum bahasa Kadazandusun Tingkatan 4. Putrajaya: Bahagian Pembinaan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Dokumen penjajaran kurikulum bahasa Kadazandusun Tingkatan 5. Putrajaya: Bahagian Pembinaan Kurikulum.
- Kiparsky, P. (1982a). "Lexical Morphology and Phonology", in I-S Yang (ed). *Linguistics in Morning Calm*. Hashin, Seoul.
- Lourince Edwin, & Julita Norjietta Binti Taisin. (2022). Menulis ayat menggunakan teknik NuOMaNo [Sesi Persidangan]. *Literatures in the 21st Century: Contemporary Issues and Challenges: Proceedings of the International Conference on Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022)*, UniSZA.
- Mardina Mahadi. (2009). Tatatingkat dan proses kitaran dalam pembentukan kata bahasa Melayu Brunei. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, Vol 9 (2009), 64-78. <https://sharopNE5FqCi86YzO8>
- Minah Sintian. (2019, ogos 1-2). Struktur binaan ayat bahasa kadazandusun dan bahasa melayu:satu pengenalan [persidangan]. Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa, Dan Budaya Nusantara (Sutera), Universiti Malaysia Perlis. <https://publication/334958122>
- Minah Sintian. (2023). Bahasa Tombonuo dan Mangkaak: Dalam Keluarga Bahasa yang Sama. *RUMPUN JURNAL PERSURATAN MELAYU*, 11(2), 1 - 13. <https://rumpunjurnal.com/>
- Mohd. Yazid, M. T., Jaffar, M. N., Musling, M. N., Alias, N., & Abdullah, M. A. (2025). Implikasi Gangguan Bunyi Kadazandusun terhadap Sebutan dan Makna Rukun Qawliyy dalam Ibadah Solat. *UMRAN - Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 12(3), 29-47. <https://doi.org/10.1111>
- Mohd. Taqwudin Mohd. Yazid, Veronica Petrus Atin, & Saidatul Nornis Mahali. (2020). Gangguan bunyi bahasa Kadazandusun dalam sebutan Arab oleh etnik Kadazandusun di Ranau, Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 31(2), 69-69. <https://www.researchgate.net/profile/Mohd-Taqwud>
- Mohamad Rozi Kasim, & Sans Venivekia Sinjon. (2022). Proses fonologi bahasa Rungus di Sabah: Satu tinjauan awal di Kampung Kandang Pintas, Sabah. *Borneo International Journal*, Vol 5(3), 8-13. <https://majmuah.com>

- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2024). Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga): Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norjietta Taisin, & Tracy Valerian. (2020). Pengaplikasian perisian kosa kata (Boros maan) Kadazandusun dalam pencapaian murid sekolah rendah. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 60–69. <http://rumpunjurnal.com/vie>
- Nur Faizal Aznan, & R. Said. (2023). Open response essay writing (public domain) based on spm scoring rubric among non-native students in Negeri Sembilan. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2), 982–997. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/>
- Paramasivam, K., Marimothu, G., Kamaruddin, R., Veraputhra, V., & Hassan@Hussin, O. (2024). The mastery of muneration for the students of sjkt kuala selangor in initial prefixes men- correctly. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(6), 1041-1050. <https://doi.org/10.6007/IARBSS>
- Rozita, B., Jane Wong Kon, L., & Veronica Petrus, A. (2017). Proses dan fungsi pengimbuhan awalan kata kerja terbitan bahasa kadazandusun: Fokus, masa, aspek, ragam (Fmar): the process and function of derived verb prefix in kadazandusun language: focus, time, aspect, modal(Fmar). *PENDETA*, 8, 96–107. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.10.2017>
- Suleimanov, D., Gilmullin, R., Fridman, A., & Mukhamedshin, D. (2024). Semantic models of agglutinative languages. 2024 IEEE 3rd International Conference on Problems of Informatics, Electronics and Radio Engineering (PIERE),1930-1935. <https://doi.org/10.1109>
- Veronica Atin. (2008). Basic verb morphology of Bundu Tuhan (BT) Dusun. *UWA Linguistics Working Papers*, 1, 50–62.
- Viannie Tonggurutom, & Minah Sintian. (2025). Impak media E-Lagu untuk pengayaan koasa kata bahasa Kadazandusun murid sekolah rendah luar bandar. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, Vol. 16 (1), 23-33. <https://ejournal.upsi.edu.m>
- Zaharani Ahmad. (1993). Fonologi generatif: Teori dan penerapan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaharani Ahmad, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2010). Isu imbuhan /di-i/ bahasa Melayu: Apitan atau gabungan. *Jurnal Melayu*, 5(2010), 103-126.